





PERPUSTAKAAN
al-Qarawiyyin mula
dibina pada tahun
859.

TERDAPAT
hampir 4,000
buah buku
disimpan
di perpustakaan
ini.



PUSAT ilmu ini
dibuka kepada
pelawat pada
awal tahun ini.

Perpustakaan tertua simpan khazanah Islam



PERPUSTAKAAN
al-Qarawiyyin mengetengahkan
seni bina Islam.

DESTINASI

SEORANG penjaga perpustakaan menunjukkan salah satu manuskrip Arab kuno.

Kosmo
23/3/17
mls34



PENGUNJUNG boleh membaca dan berehat di ruang yang disediakan dalam perpustakaan.



SEJAK ribuan tahun lalu, perpustakaan al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi menjadi tempat rujukan dalam kalangan ulama dan ilmuwan Islam.

Mula dibina pada tahun 859, perpustakaan itu diilhamkan oleh Fatima al-Fihri iaitu seorang anak kepada jutawan terkenal berasal dari Tunisia.

Dia membina perpustakaan itu selepas berlaku satu tragedi besar yang meragut nyawa bapa, suami dan abangnya.

Kematian ahli keluarga itu menjadikan Fatima sebagai seorang wanita kaya, namun dia bertekad untuk menghabiskan harta pusaka tersebut kepada jalan kebaikan.

Dalam dokumentari bertajuk *The Golden Age of Islam*, Fatima digambarkan sebagai wanita muda yang cintakan pengetahuan dan ingin tahu lebih mendalam mengenai ilmu dunia.

Dia juga merupakan individu yang bertanggunjawab membina masjid bersebelahan perpustakaan itu sebelum dijadikan tempat kuliah oleh para ulama.

Sejak itu, Fatima terpanggil untuk membina beberapa buah bangunan sebelum dijadikan sebagai Universiti al-Qarawiyyin.

Universiti itu menjadi institusi pendidikan terkemuka dalam dunia Islam sehingga ke hari ini.

Koleksi terhad

Walaupun, Universiti al-Qarawiyyin telah dipindahkan ke bahagian lain di Fez, masjid dan perpustakaanannya masih kekal di kompleks asal.

Menariknya, perpustakaan itu menyimpan 4,000 buah buku koleksi terhad dan manuskrip Arab kuno yang ditulis oleh para ulama terkenal.

Perpustakaan itu juga menempatkan buku asal *Muqadimmah* yang ditulis pada abad ke-14 oleh ahli sejarah Afrika Utara, Ibnu Khaldun.

Selain tarikan buku-buku, perpustakaan itu juga mempunyai seni bina Islam purba yang cukup indah termasuk ukiran-ukiran

kalimah suci al-Quran pada dindingnya.

Sebelum dibuka kepada umum pada bulan lalu, perpustakaan itu telah melalui kerja-kerja pengubahsuaian yang diketuai oleh seorang arkitek dari Toronto Kanada, Aziza Chaoui.

Menurut Aziza yang berasal dari Fez, dia tidak pernah mendengar mengenai perpustakaan itu sebelum diperkenalkan oleh Kementerian Kebudayaan Maghribi pada tahun 2012 untuk kerja-kerja baik pulih.

“Perpustakaan ini telah mengalami banyak pengubahsuaian termasuk masalah penambat, sistem perparitan tersumbat, jubin pecah dan wayar elektrik terdedah,” katanya.

Kerja-kerja pengubahsuaian itu dilengkapi dengan panel solar, sistem longkang, kunci digital ke bilik buku dan pendingin hawa bagi membantu mengawal kelembapan serta melindungi buku dalam perpustakaan.

Begitupun, beberapa buah bilik dalam perpustakaan itu hanya dikhaskan kepada ulama dan pelajar universiti.

“Kami tahu semua tempat di sini, namun ada yang tidak boleh masuk. Perpustakaan ini sangat besar dan penuh misteri.

“Saya tidak tahu apa yang disimpan di sebalik pintu besi gergasi itu,” ujar Aziza.